



كمتنرين كبودايان بليا

دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

جانانج  
CANANG  
Ogos 2023



## PETIKAN TITAH



**'Belia dan Negara Berpisah Tiada'.** Ungkapan ini dilihat sangat relevan dengan Golongan Belia yang merupakan peneraju negara.

Golongan belia turut membuktikan bahawa mereka adalah agen perubahan masa depan dan mampu untuk merealisasikan 'Aspirasi Negara' menjelang tahun 2035.

Oleh itu, sambutan Hari Belia Kebangsaan pada setiap 1 Ogos adalah merupakan pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan, pencapaian dan kejayaan golongan belia dalam pembangunan negara.

Beta juga melihat, sumbangan golongan belia itu boleh merangkumi banyak bidang, seperti bidang ekonomi, digital, inovasi sosial, agri-bisnes, industri kreatif, kesukarelawan dan kemasyarakatan, bahkan juga penggubalan dasar.

Baru-baru ini, kita berbangga dengan kejayaan belia kita memenangi *ASEAN Prize Award* buat pertama kalinya. Di samping itu, atlet-atlet belia juga berjaya mengharumkan nama negara dengan meraih pingat dalam kejohanan sukan prestasi tinggi pada kejohanan Asia Tenggara (SEA Games) Ke-32 dan ASEAN Para Games Ke-12, di Kembalio.

Walau begitu, adalah diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian 'Berakhhlak Mulia', dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang.

Kita tidak perlu merasa rendah diri atau terpinggir jika tidak menyertai satu-satu jenis sukan yang tidak dibenarkan oleh Ugama atau Undang-Undang. Inilah prinsip Brunei.

Untuk akhirnya, dan bersempena dengan Hari Belia kebangsaan ini, Beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

### TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-18, Tahun 2023.



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

### **Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

### **Pengerusi:**

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus  
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

### **Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

### **Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

# **SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023**



**Berakas, Selasa, 14 Muharram 1444 / 1 Ogos 2023** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-18, Tahun 2023 dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada majlis itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Ikrar Belia yang dibacakan oleh seramai 60 belia yang terlibat dalam kesukarelawanan dan mempunyai pencapaian dalam pelbagai bidang. Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Pembaca Utama, Yang Mulia Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, Pegawai Pelajaran yang merupakan Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Asia Tenggara 2011 dan Johan Qari Musabaqah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1444H / 2023M serta Pengiring, Yang Mulia Awangku Muhammad Amirul Fa'iq bin Pengiran Zali, Atlet Sukan Badminton Sukan Para dan Pengiring, Yang Mulia Dayang Norfatriah binti Abdullah, Pengasas dan Pengurus Syarikat Qafa House Enterprise & Fast Tailoring Company.



Turut menyerikan majlis, Persembahan Pidato Belia oleh Yang Mulia Awang Md. Iqbaal Syakib bin Haji Suhib, Lepasan Graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang menyentuh mengenai 'Aspirasi Belia dan Belia Baparawis'. Antara yang diketengahkan semasa pidato adalah 'Ketajaman Akal Budi Bangsa Melayu'; Nilai 'Ikut Resmi Padi Semakin Tunduk Semakin Berisi' Dalam Meraih Ilmu, Harta Dan Kuasa; Konsep 3 Ba - Berawar galat, Berparawis dan Berbudi Bahasa. Nilai berpawaris sebagai nasihat dan peringatan sesama belia untuk selalu bersopan santun dalam berbicara atau bersuara serta berbahasa.

Acara kemuncak sambutan ialah Penyampaian Anugerah Hari Belia Kebangsaan Ke-18 Tahun 2023 dalam lima kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia, Projek Cemerlang untuk Belia dan Anugerah Pengiktirafan Khas Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Penerima Anugerah Belia Cemerlang dianugerahkan kepada Yang Mulia Dr. Awang Andery Lim Pegawai Pelajaran, Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, menerima sebuah trofi, sebidang Kain Jong Sarat Bunga Bintang Gemilang, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Anugerah Belia Berkhidmat pula diberikan kepada Yang Mulia Awang Mohammad Ashmeer Imtiaz Ahmad Ketua Kemasyarakatan dan Acara Rasmi, Sukarelawan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Core Team Member, Young Professional Networks Brunei, menerima sebuah trofi, sebidang Kain Betabur Bunga Permaata Bangsa, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Manakala Anugerah Pemimpin Muda Belia ialah Yang Mulia Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi Pegawai Penyelaras Pasukan Pengakap, Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan yang menerima sebuah trofi, sebidang Kain Jong Sarat Bunga Kebahagiaan, sijil penghargaan dan wang tunai BND3,000.

Bagi Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia dianugerahkan kepada Seacage Fish Farming (Fatih Aquaculture) dan Child Care Centre (Alya Playhouse) yang menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai bagi perkembangan dan pembangunan projek sebanyak BND3,500.



Anugerah Pengiktirafan Khas Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 diberikan kepada Yang Mulia Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhibin, Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND2,000.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Pameran Hari Belia di ruang legar pusat berkenaan yang melibatkan penyertaan sejumlah 35 organisasi yang terdiri dari pergerakan belia dan rakan-rakan strategik yang mempamerkan projek masing - masing mendukung ke arah pembangunan belia di negara ini.

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023. Setelah itu, baginda berserta kerabat diraja dijunjung bagi Majlis Santap. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan.

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini dikekalkan seperti tahun lalu iaitu 'Belia Siaga Masa Depan' di mana ia masih relevan dan selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ingin melihat belia Brunei siap siaga dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, pemikiran yang progresif serta jati diri yang mantap untuk menghadapi apa jua cabaran di masa hadapan.

Konsep Sambutan Hari Belia Kebangsaan adalah tertumpu kepada 'Aspirasi Belia' yang menonjolkan perpaduan yang harmoni di antara golongan belia selaku pemimpin masa depan negara dengan memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu sumbangan belia; kemahiran dan ilmu serta warisan dan budaya.

Objektif Hari Belia Kebangsaan yang disambut pada setiap 1 Ogos itu adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada para belia serta bagi membarangkan kejayaan para belia di peringkat kebangsaan, di samping memartabatkan belia-belia di seluruh negara. Selain itu, ia juga bertujuan bagi memberikan peluang kepada belia-belia berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan komuniti belia.



Sambutan Hari Belia Kebangsaan kali ini turut diserikan dengan pengendalian Festival Hari Belia 2023 yang diadakan selama sebulan bermula hari ini hingga 31 Ogos 2023. Festival diadakan bagi menghimpunkan aktiviti yang menjurus kepada pendidikan, kerohanian, kemahiran, kesenian, bakat, interaksi dan kesukarelaan dengan mengetengahkan tujuh kluster aktiviti iaitu Kesukarelawanan dan Kemasyarakatan, Kepimpinan dan Pembangunan Jati Diri Belia, Keusahawanan, Keagamaan, Kesukanan, Alam Sekitar dan Ke-

## UPACARA SELAMAT BELAYAR KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 7TH *COMMONWEALTH YOUTH GAMES, TRINIDAD & TOBAGO 2023*



**Berakas, Selasa, 14 Muharam 1445 / 1 Ogos 2023** – Seramai 8 orang ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada *Chef de Mission*, Ketua Urusetia, *Safeguarding Lead Officer*, Jurulatih dan 4 orang atlet sukan Renang telah berlepas ke Trinidad & Tobago bagi menyertai kejohanan 7th *Commonwealth Youth Games* yang akan berlangsung pada 4 hingga 11 Ogos 2023.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam diketuai oleh *Chef de Mission*, Yang Mulia Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan.



## ANUGERAHAN KEPIMPINAN BELIA MAMPAN BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM (BIBD)



**Berakas, Rabu, 15 Muharam 1445 / 2 Ogos 2023** - Bank Islam Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Anugerah Kepimpinan Belia Mampan Bank Islam Brunei Darussalam di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Berakas.

Terdapat empat projek menerima BND3,000 melalui Anugerah Kepimpinan Belia Mampan Bank Islam Brunei Darussalam yang julung kali diadakan. Projek-projek itu diiktiraf kerana potensi mereka dalam membina masa depan yang mampan.

Projek Hayaa' memenangi anugerah untuk kluster pendidikan, IKLIM Chapters untuk alam sekitar, Projek Pink Box untuk kesihatan dan Upskilling Tutong untuk pekerjaan.

Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Anugerah Kepimpinan Belia Mampan BIBD, kerjasama antara BIBD, Pejabat Sekretariat Wawasan Brunei di bawah Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Green Brunei sebagai wakil Majlis Belia Brunei bertujuan memperkasakan belia untuk menerajui tanggungjawab dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



## MAJLIS PENUTUP PROGRAM JATI DIRI (PJD) BAGI PELAJAR iSKILL KOHORT KE-3



**Batu Apoi, Temburong, Khamis, 16 Muharram 1444 / 03 Ogos 2023** - Seramai 90 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program iSkills dan Industrial Skills Qualification (ISQ) di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah berjaya menamatkan Program Jati Diri (PJD) bagi pelajar iSkill Kohort 3 selama 90 hari dan diraikan pada majlis penutup di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Timbalan Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir ke majlis ini ialah Pengarah-Pengarah jabatan dibawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan Secretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council , Pengarah Jobcentre dan MISC leads.

Program Jati Diri yang diungkayahkan dengan kerjasama padu antara Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) ini bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keperibadian dan jati diri yang teguh dalam kalangan para pelajar.

Matlamat Program Jati Diri ini adalah untuk meningkatkan, memupul dan mengukuhkan integriti, disiplin, rasa bertanggungjawab, prinsip keagamaan dan juga mengubah minda para pelatih agar lebih berdaya tahan.

Sebelum menjalani latihan Program Jati Diri ini, pelatih-pelatih telah terlebih dahulu menamatkan pengajian mereka selama 6 bulan di IBTE, 3 bulan di Registered Training Organisations (RTOs) dan 3 bulan penempatan kerja di dalam industri.

Beberapa komponen telah ditekankan dalam Program Jati Diri ini iaitu; 1) komponen jati diri, keugamaan dan kenegaraan, 2) komponen disiplin dan latihan fizikal, 3) komponen keusahawanan dan 4) komponen khidmat komuniti.



Dengan adanya komponen-komponen ini, para pelatih diharap akan lebih bersedia dari segi fizikal, mental, emosi dalam menghadapi cabaran dan rintangan terutama sekali apabila melangkah kea lama pekerjaan yang semakin mencabar. Selain menerapkan nilai-nilai moral, pelatih diharap bersedia menggalas tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi dalam menyumbang kepada diri sendiri, masyarakat dan negara serta berperanan sebagai contoh teladan bagi generasi tenaga kerja yang akan datang.

Majlis hari ini juga menyampaikan anugerah pelatih terbaik, tayangan video memaparkan beberapa aktiviti yang dijalani oleh pelatih.



## MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU BRUNEI (PBB) 2023



**Berakas, Sabtu, 18 Muharam 1445 / 5 Ogos 2023** - Majlis Perasmian PBB 2023 berlangsung di Dewan Perpaduan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pagi tadi. Majlis disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis diselajurkan dengan pelancaran **19 buah buku terbaru** terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (Sila rujuk Risalah Buku Terbaru), diikuti dengan penyampaian buku terbaru dan dokumen perjanjian kepada para penulis, seterusnya penyampaian **Hadiah Buku Terlaris 2022**, dan sijil penghargaan kepada para penaja. Berikut ialah judul buku yang menerima penghargaan Hadiah Buku Terlaris 2022:

Bil.	Kategori	Judul Buku	Penulis	Penerbit
1.	Ilmiah	Merista Kumpulan Artikel Sejarah	Awang Hanafi bin Haji Salleh	Pusat Sejarah Brunei
2.	Umum	Scary Dreams an Anthology of Supernatural Brunei Stories	Awang Mohammad Hafiz-zul Fadlillah bin Haji Johari & Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos	Qasrun Nafis Publishing House
3.	Sastera	Real Ghost Stories of Borneo 5	Dr. Aammton Alias	M Content Creations
4.		Bertaut Di Pinggir Hati	Dr. Khadizah binti Haji Abdul Mumin	Dewan Bahasa dan Pustaka
5.	Kanak-Kanak	Sahabat Karib Al-Ya/Alya's Best Friend	Dayang Rosmiliati binti Haji Yahya	
6.	Komik	Bahtera Zahir	Awang Mohammad Azizul bin Haji Salam	

Mulai tahun 2022, PBB diadakan dalam rangka menggema dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa dengan membawa tema **Mari Membaca**. Tema ini secara signifikan mendukung komitmen jabatan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan mencintai dan mendaulatkan bahasa Melayu disinergikan dengan budaya membaca yang amat sinonim dengan proses meningkatkan daya berfikir masyarakat.

Antara objektif penganjuran PBB 2023 adalah untuk menggema dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa; mendukung Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan masyarakat bermaklumat, berpendidikan, berpengetahuan, berkualiti dan berwawasan; sebagai wadah pertemuan dan interaksi antara penerbit buku, toko buku dan masyarakat di bawah satu bumbung untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku; mengeratkan jalinan kerjasama hubungan perniagaan dan permuafakatan bagi merancang strategi untuk mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan antarabangsa; serta memperkasa dan memasyarakatkan budaya membaca.

Selain pameran dan jualan buku, turut diadakan pelbagai kegiatan dan aktiviti sepanjang 10 hari penganjuran PBB 2023 di beberapa tempat, iaitu Pentas Kegiatan, Bilik Sejati 3 & 4, dan reruui Temu dan Sapa Bersama Penulis.

PBB 2023 diadakan selama 10 hari, bermula pada hari Sabtu – Isnin, 05 – 14 Ogos 2023, pukul 8.30 pagi – 9.30 malam, kecuali hari Jumaat, pukul 8.30 pagi – 11.30 pagi dan 2.30 petang – 9.30 malam.



## MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADА MANGSA BENCANA



**Bandar Seri Begawan, Selasa,  
21 Muharam 1445 / 8 Ogos  
2023** - Satu majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada 7 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran, angin kencang dan rumah roboh telah diadakan hari ini. Majlis berlangsung di Bilik Kunjungan, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan bantuan kewangan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 2 orang ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Daerah Brunei Muara daripada Kampong Pengiran Bendahara Lama dan sebuah keluarga di Kampong Long Mayan, Daerah Tutong. Dua buah keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh daripada Kampong Saba Tengah dan Kampong Lurong Dalam, Daerah Brunei dan Muara dan dua buah keluarga mangsa kejadian angin kencang yang menetap di Kampong Pandai Besi B dan Kampong Sungai Pandan juga menerima sumbangan.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian-kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa berkenaan, pihak kerajaan telah menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka yang terlibat demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN DAN CENDERAMATA PERTANDINGAN KUIZ SEJARAH PIALA PEHIN JAWATAN DALAM KALI KE-3 TAHUN 2023



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 21 Mu-haram 1445 / 8 Ogos 2023 -**

Sebanyak **19 buah** sekolah menengah kerajaan dan swasta telah menerima sijil penghargaan dan cenderamata semasa Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderamata kepada wakil setiap sekolah bagi peserta Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-3 Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku jemputan khas dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berserta cenderamata ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB).

Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-3 Tahun 2023 merupakan anjuran Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei.

Objektif pertandingan adalah bagi menggalakkan para pelajar untuk meminati sejarah selain mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang sejarah, budaya dan warisan.





Ia juga dapat memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan mempelajari sejarah dan hubungannya kepada pengukuhan jati diri dan pembangunan negara bangsa serta menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar sekolah menengah; dan menanamkan perasaan cintakan raja, agama, bangsa dan negara.

Pertandingan dibukakan kepada pelajar-pelajar Tahun 9 hingga 11 dari sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara.



Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam; Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong; Sekolah Ma'had Islam Brunei; Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait; Sekolah Menengah Awang Semaun; Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Kilanas; Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab; Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Sekolah Menengah Katok; Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Sekolah Menengah Rimba I; Sekolah Menengah PJN Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong; Sekolah Menengah Rimba II; dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN ROBERT GASS, WAKIL KHAS UNICEF KE BRUNEI DARUSSALAM



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 22 Muharam 1445 / 9 Ogos 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Robert Gass, Wakil Khas UNICEF ke Brunei Darussalam (UNICEF Special Representative to Brunei Darussalam).

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.



# THE 6TH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON THE CULTURE OF PREVENTION (WG-COP) DAN THE 19TH COORDINATING CONFERENCE ON THE ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (SOC-COM)



**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Khamis, 23 Muharam 1445 / 10 Ogos 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri The 6th Meeting of the ASEAN Working Group on the Culture of Prevention (WG-CoP) dan The 19th Coordinating Conference on the ASEAN Socio-Cultural Community (SOC-COM) pada 10 Ogos 2023 yang diadakan secara dalam talian.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa.



# MAJLIS PELANCARAN BUKU KESULTANAN BRUNEI DARI PELBAGAI PERSPEKTIF DAN PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN SE-JARAH BRUNEI KE-9 (2021-2023)



**Bandar Seri Begawan, Jumaat, 24 Muharram 1445 / 11 Ogos 2023** - Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei (PSB) menerbitkan sebuah buku khas berjudul 'Kesultanan Brunei Dari Pelbagai Perspektif'. Sehubungan itu, pelancaran buku berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

Majlis berkenaan juga diselajurkan dengan perasmian Mesyuarat Agung PESEBAR Ke-9 termasuk pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi dan lantikan Pengurus sementara serta pemilihan AJK Tertinggi baharu bagi tahun 2024 - 2026.

Adapun penerbitan buku khas berkenaan sebagai satu sumbangan PESEBAR bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77.

Buku tajaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenaan mengandungi 18 buah makalah yang disumbangkan oleh para penulis tanah air dan luar negara termasuk dalam kalangan golongan belia di negara ini.

Penerbitan buku berkenaan juga dihasratkan akan dapat menggalakkan kegiatan penyelidikan, kajian, penulisan dan penerbitan sejarah Brunei yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh anak-anak tempatan terutama dalam tempoh 56 tahun baginda memerintah negara. Buku berkenaan juga boleh diguna pakai dan sebagai sumber serta mencetuskan inspirasi dalam merancang pembangunan negara pada masa depan di samping memperkayakan bahan bacaan sejarah.

Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta Ahli-ahli Persatuan Sejarah Brunei.

## KUNJUNGAN HORMAT PERSEKUTUAN PENGAKAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**Bandar Seri Begawan, Sabtu, 25 Muharam 1445 / 12 Ogos 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan turut hadir Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.



## RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2023



**Bandar Seri Begawan, Ahad, 26 Muharam 1445 / 13 Ogos 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam telah menganjurkan Riadah Berbasikal Keputeraan 2023 sempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al[1]Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al[1]Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2023 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al[1]Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan Baginda berserta Kerabat Diraja yang lain dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Acara tersebut turut disertai oleh menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan timbalan-timbalan setiausaha tetap, para jemputan dan orang ramai termasuk warga asing.



Aturacara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dimulakan dengan penandatangan bingkai jersi khas sempena Riadah Berbasikal Keputeraan 2023 dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Riadah Berbasikal Keputeraan 2023.

Upacara pelepasan riadah berbasikal bermula sejurus air horn dibunyikan oleh penerima anugerah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya mendahului riadah berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 10.30 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Stoney, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan RIPAS, Jalan SOAS dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Haji Harith bin Pehin Haji Abdul Aziz, Presiden Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Baginda berserta Kerabat Diraja kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 77 orang pekayuh basikal terdiri daripada pekayuh basikal atlet negara dan kelab-kelab di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Amar Suriani bin Pengiran Hashim. Para peserta telah melakukan kayuhan sejauh 77 kilometer dan berlepas sejak pukul 6.30 pagi. Pelepasan acara tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Baginda berserta Kerabat Diraja juga seterusnya berkenan menyaksikan persembahan padang daripada Seni Mempertahankan Diri yang melibatkan seramai 335 orang atlet terdiri daripada 322 orang atlet kebangsaan, atlet pelapis kebangsaan, atlet-atlet di bawah Skim Jabatan Belia dan Sukan dan juga atlet-atlet daripada kelab-kelab di bawah persatuan dengan melibatkan seramai 13 orang jurulatih-jurulatih sukan Karate, Kempo, Kendo, Kickboxing, Taekwando dan Pencak Silat. Persembahan ini juga turut disertai oleh atlet-atlet muda yang berumur seawal 4 tahun hingga 60 tahun. Konsep persembahan mempamerkan pergerakan seni mempertahankan diri yang unik mengikut disiplin sukan masing-masing yang boleh dan sesuai dijadikan sebagai amalan yang baik untuk kesihatan dan kesejahteraan individu ke arah cara hidup yang sihat.

Terdahulu sebelum itu, acara riadah berbasikal yang diadakan sewaktu Program Bandarku Ceria ini dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Kekal Beraja, Kekal Bernegara' yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Mohammad Nasyith bin Superi, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Riadah Berbasikal Keputeraan 2023 ini telah menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi dengan harapan untuk membudayaan sukan serta mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat dalam penglibatan ke arah gaya hidup sihat.



## KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI SINGAPURA



**Berakas, Isnin, 27 Muharam 1445 /14 Ogos 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima Perjumpaan Sempena Tamat Perkhidmatan daripada Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Brunei Darussalam.

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.



## KUNJUNGAN HORMAT ASTERAWANI (ANGKATAN SASTERAWAN DAN SASTERAWANI BRUNEI)



**Berakas, Selasa, 28 Muharram 1445 / 15 Ogos 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Asterawani (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei)

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## MAJLIS PENYERAHAN DERMA UNTUK TABUNG ORANG-ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)



**Bandar Seri Begawan, Selasa, 28 Muharram 1445 / 15 Ogos 2023** - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini telah menerima sumbangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui Bahagian Kumpulan Perbankan Runcit (RBG).

Sumbangan adalah berbentuk derma berjumlah **BND2,500.00** untuk Tabung Orang-Orang Cacat. Majlis penyerahan derma diadakan petang tadi di Pusat Bahagia Brunei Muara.

Sumbangan tersebut telah diterima oleh Yang Mulia Dayang Mirany Floridzah binti Abd Rahman, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat yang disampaikan oleh Yang Mulia Hajah Rohani binti Haji Salleh, Ketua Bahagian Jualan, Bahagian Kumpulan Perbankan Runcit (RBG).

Hasil kutipan ini disalurkan sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat, pihak RBG kepada tabung persatuan yang dipilih iaitu Tabung Orang-Orang Kelainan Upaya (OKU).

Sumbangan yang diterima ini adalah hasil kutipan daripada bahagian berkenaan semasa promosi sempena bulan Ramadhan, Aidil Adha Treats bagi pengguna kad kredit. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meringankan keperluan golongan yang memerlukan khususnya Orang Kelainan Upaya di samping untuk meraih keberkatan pahala dan sekaligus untuk mendapat keredhaan daripada Allah Subhanahu Wata'aala.

## MESYUARAT VIRTUAL THE 35TH MEETING OF THE SENIOR OFFICIALS' COMMITTEE FOR THE ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (SOCA)



**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Selasa, 5 Safar 1445 / 22 Ogos 2023** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri The 35th Meeting of the Senior Officials' Committee for the ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA) pada 22 Ogos 2023 yang diadakan secara dalam talian.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) selaku Alternate SOCA Leader dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa.

## **PERTANDINGAN KUIZ SEJARAH PIALA PEHIN JAWATAN DALAM KALI KE-3 TAHUN 2023 PERINGKAT SEPARUH AKHIR**



**Bandar Seri Begawan, Rabu, 6 Safar 1445 / 23 Ogos 2023** - Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei telah mengadakan Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-3 Tahun 2023 membawakan tema "Sejarah Pengukuh Jati Diri Bangsa" yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku jemputan khas ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

Seramai 16 orang pelajar dari lapan buah sekolah menengah menyertai Peringkat Separuh Akhir ini iaitu:

- **Sekolah Ma’had Islam Brunei**
- **Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong**
- **Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab**
- **Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan**
- **Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna**
- **Sekolah Menengah Awang Semaun**
- **Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong**
- **Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait.**

Setiap sekolah diwakili oleh dua orang pelajar.

Empat buah sekolah sahaja dengan pungutan markah tertinggi dalam Peringkat Separuh Akhir ini terpilih untuk melayakkan diri ke Peringkat Akhir.

Empat buah sekolah yang berjaya mara ke Peringkat Akhir ialah:

<b>Nama Sekolah:</b>	<b>Markah</b>
Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong	32 markah
Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab	31 markah
Sekolah Ma'had Islam Brunei	29 markah
Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar	26 markah

Objektif pertandingan adalah bagi menggalakkan para pelajar untuk meninati sejarah; mengembangkan bakat dan minat para pelajar dalam bidang sejarah, budaya dan warisan; memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan mempelajari sejarah dan hubungannya kepada pengukuhan jati diri dan pembangunan negara bangsa; menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar sekolah menengah; dan mananamkan perasaan cintakan Raja, Agama, Bangsa dan Negara.

Pertandingan dibukakan kepada pelajar-pelajar Tahun 9 hingga 11 dari sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara. Peringkat Saringan telah berlangsung pada 5 Jun 2023.



## **13TH COMMONWEALTH WOMEN'S AFFAIRS MINISTER MEETING (13WAMM), NASSAU, THE BAHAMAS**



**Nassau, The Bahamas, Rabu, 06 Safar 1445 / 23 Ogos 2023** - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Komanwel Mengenai Hal Ehwal Wanita Ke-13 (13th Commonwealth Women's Affairs Ministers Meeting (13WAMM)) di Nassau, Bahamas dari 21 hingga 23 Ogos 2023.

Mesyuarat dipengerusikan oleh The Honourable Obediah H.Wilchcombe MP, Menteri Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Bandar, Bahamas, dan hadir sama, The Right Honourable Patricia Scotland, Setiausaha Agung Komanwel.

Turut mengiringi Yang Berhormat Dato ialah Yang Mulia Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## MESYUARAT KE-30 MAJLIS KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC)



**Jakarta, Republik Indonesia, Selasa, 12 Safar 1445 / 29 Ogos 2023** - Mesyuarat ke-30 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) telah diadakan pada 28 hingga 29 Ogos 2023 di Jakarta, Republik Indonesia. Mesyuarat telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, bersama para Menteri ASCC atau wakil, dan Setiausaha Agung ASEAN. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Muhadjir Effendy, Menteri Koordinator Bidang Pembangunan Manusia dan Kebudayaan, Republik Indonesia, selaku Pengurus Majlis ASCC tahun 2023. Mesyuarat juga disertai oleh Timor-Leste, selaku pemerhati.

Mesyuarat antara lain bertukar-tukar pandangan mengenai kemajuan yang dicapai oleh Tungkak ASCC di bawah Kepengerusian Indonesia, dalam mana para Menteri menyatakan semula dedikasi yang tinggi ke arah merealisasikan keutamaan-keutamaan ASCC khususnya dalam meningkatkan penglibatan orang kurang upaya dalam kemajuan ekonomi dan sosio-budaya ASEAN, serta menyokong penjagaan dan pendidikan awal yang komprehensif bagi kanak-kanak, dengan memastikan ia boleh diakses oleh semua.

Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim yang kompleks dan saling berkait, Yang Berhormat Dato bersepakat dengan para Menteri yang lain untuk mengukuhkan komitmen ASEAN terhadap pemuliharaan alam sekitar dan melindungi keunikian kepelbagaiannya. Para Menteri seterusnya menyatakan penghargaan terhadap penandatanganan perjanjian penubuhan *ASEAN Centre for Climate Change* dan *ASEAN Coordinating Centre on Transboundary Haze Pollution Control*, dan seterusnya mengalu-alukan pengoperasian kedua-dua pusat tersebut.

Para Menteri juga membincangkan hala tuju strategik ASCC, dengan memberikan tumpuan khusus kepada bidang pendigitalan, evolusi teknologi, faktor kritikal peralihan demografi, serta menekankan kepentingan hubungan masyarakat ASEAN ke arah membina Komuniti ASEAN yang berdaya tahan dan inklusif. Sebagai persediaan terhadap pelaksanaan Kajian Akhir Penggal *ASCC Blueprint*, para Menteri seterusnya menyarankan agar Badan-Badan Sektoral ASCC untuk menyegerakan pelaksanaan pelan kerja mereka dan jika perlu, untuk membuat pensejajaran semula aktiviti-aktiviti dengan langkah-langkah strategik yang lebih relevan.



Menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan dalam menyokong pembentukan *ASEAN Community Vision Post-2025* dan *ASCC attendant document*, Yang Berhormat Dato menekankan bahawa ASCC perlu memainkan peranan proaktif dan lebih bermaklumat antaranya dengan memanfaatkan mekanisme-mekanisme ASCC seperti *ASCC Research & Development Platforms*. Selain itu, perlunya ada kesinambungan berterusan terhadap pelaksanaan deklarasi dan komitmen-komitmen ASEAN sebelum ini, dalam masa yang sama memastikan ia selari dengan perkembangan, cabaran dan trend terkini. Yang Berhormat Dato seterusnya mengaitkan perkara ini dengan dua (2) komitmen utama iaitu kepentingan usaha yang berterusan dalam memupuk Budaya Pencegahan, ke arah menggalakkan nilai perkongsian ASEAN yang lebih memahami dan bertolak ansur, yang memerlukan kerjasama kukuh rentas-sektor dan rentas-tunggak. Di samping itu, kepentingan memupuk keprihatinan ekonomi melalui *Care Economy* dalam menyokong golongan yang terdedah, ditekankan.

Dalam kaitan ini, mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan pembentukan attendant document bagi *ASEAN Community's Post-2025* yang dijadualkan bermula pada Oktober 2023 dan juga mengambil maklum usaha berterusan yang dilaksanakan di bawah ASCC, termasuk cadangan penubuhan *High-Level Committee on the ASCC (HLC-ASCC)*.

Di penghujung mesyuarat, para Menteri mengalu-alukan Dokumen-Dokuman Hasil ASCC untuk dihadapkan kepada Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN bagi diluluskan dan diambil maklum oleh Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 pada bulan depan (September 2023).

Di samping Mesyuarat ke-30 ASCC, Yang Berhormat Dato telah berpeluang mengadakan perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn, Setiausaha Agung ASEAN, bertempat di Pejabat Sekretariat ASEAN. Yang Berhormat Dato juga menyatakan penghargaan Negara Brunei Darussalam di atas sokongan berterusan yang diberikan oleh Sekretariat ASEAN.

Yang Berhormat Dato telah disertai oleh para pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

## MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM JATI DIRI (PJD) BAGI PELAJAR iSKILL KOHORT 4 DAN 5



**Temburong, Khamis, 14 Safar 1445 / 31 Ogos 2023** – Seramai 269 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar *iSkill* kohort 4 dan kohort 5 di bawah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), menyertai Program Jati Diri (PJD) yang bermula pada hari ini dengan majlis pembukaan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dr Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai Daerah Temburong, Ketua-Ketua Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Kerja (MISC-WG) bagi sektor Tenaga, Pengarah-Pegarah dan Pegawai Kanan dari Sekretariat Tetap Manpower Planning & Employment Council (MPEC), Jabatan Tenaga; Bahagian Khidmat Bakti Negara dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Program selama 90 hari tersebut adalah sebahagian daripada program *iSkill Industrial Skills Qualification (ISQ)* dalam *Blasting and Painting*, *iSkill ISQ* dalam *Marking and Fitting*, *iSkill ISQ* dalam *Rigging* dan *iSkill ISQ* dalam *Scaffolding*, di bawah IBTE.

PJD adalah usaha kolaborasi antara Sekretariat Tetap *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC), IBTE, dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Majlis juga menayangkan video perjalanan pelatih kohort lalu yang telah tamat menjalani PJD dan diikuti dengan laungan ikrar oleh kesemua pelatih PJD.





## E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-18, TAHUN 2023



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: Info@kkbs.gov.bn**

**Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**